

MTQM komited lahirkan generasi celik al-Quran

MUAR - Penubuhan Maahad Tahfiz al-Quran Al-Muttaqin (MTQM) di Bukit Pasir, di sini, merupakan satu-satunya pusat pengajian tahfiz melaksanakan sistem Jaminan Kualiti Tahfiz Johor (JQTA), dilihat akan terus konsisten melahirkan generasi al-Quran berintelek.

Penasihat Majlis Agama Islam Johor (Maij), Datuk Nooh Gadut berkata, penubuhannya akan dipastikan mengikut piawaian tepat berlandaskan visi dan misi ditetapkan dalam usaha mencapai objektifnya.

"Selaras dengan visi dan misi ditetapkan iaitu melahirkan generasi berpegang teguh dengan akidah ahli sunnah wal jamaah dengan aliran al-Asy'ariah dan al-Maturidiyah.

"MTQM akan menjadi maahad terbaik dengan sukatan pelajaran tidak hanya berlandaskan hafazan, tetapi merangkumi pelbagai aspek termasuk kokurikulum dan cara hidup yang akan diamalkan mengikut sunnah Rasulullah SAW," katanya ketika ditemui dalam sambutan Hari Raya Aidilfitri MTQM di Bukit Pasir, baru-baru ini.

Beliau yang juga Pengerusi Ahli



Nooh (kiri) ketika ditemui media di majlis sambutan Hari Raya Aidilfitri MTQM di Bukit Pasir.

Lembaga Pengarah dan Pemegang Amanah MTQM berkata, pelbagai bentuk pelajaran dan pembelajaran berlandaskan as-sunnah akan dibekalkan seperti aktiviti memanah, berenang dan menunggang kuda.

"Di samping itu, pelajar akan dilengkapi dengan kemahiran pelbagai bahasa meliputi bahasa Melayu, Arab, Inggeris, Mandarin dan Tamil kerana kita juga berhasrat menyediakan 40 peratus pelajar tahfiz di negeri ini sebagai ulama manakala 60 peratus lagi bagi memenuhi pasaran kerja profe-

sional berlandaskan syariat ahli sunnah wal jamaah.

"Mereka juga akan dilatih sebagai pemidato dan pembahas terbaik bagi berhujah dalam apa jua isu termasuk ajaran sesat atau isu-isu menyebabkan percanggahan pendapat dengan ilmu dan kefahaman dimiliki mereka," katanya.

Ujarnya, maahad juga memberi penekanan kepada sistem hafalan al-Quran yang menyasarkan pelajar nya dapat menghafal 30 juzuk al-Quran dalam tempoh tiga tahun.